

LABUAN : Pihak pengurusan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) berharap anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang memenangi pilihanraya kampus pada Khamis lalu dapat menjalin kerjasama baik untuk memastikan kecemerlangan pendidikan di universiti berkenaan.

Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, hubungan baik itu penting kerana barisan MPP merupakan organisasi tertinggi dalam kalangan mahasiswa di universiti itu.

Beliau berkata, barisan MPP memainkan peranan sebagai jambatan antara mahasiswa dengan pihak universiti terutama dalam menyuarakan isu-isu berkaitan hak dan keperluan para pelajar.

“Saya berharap barisan MPP yang dipilih ini dapat bekerja sama dengan pihak pengurusan UMSKAL sebagai sebuah keluarga besar.

“Pihak pengurusan UMSKAL tidak pernah menyekat sebarang cadangan yang diutarakan MPP selagi membawa kebaikan dan manfaat kepada semua pihak, malah kita juga bersedia mengambil kira kritikan dan idea baharu demi kecemerlangan universiti,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas pengumuman rasmi pilihanraya kampus UMSKAL di Dewan Theatre UMSKAL, kelmarin.

Barisan MPP UMSKAL bagi Sesi 2013/2014 menyaksikan Md Najib Rubin dilantik sebagai Naib Presiden MPP KAL dan Siti Zulaikha Meseri (Setiausaha Kehormat KAL).

Sementara, Prem Nambyar A/L Basudevan dipilih sebagai Exco Kepimpinan, Andre Justin Basinau (Exco Kebajikan), Amos Peter (Exco Sukan) dan Josephine Lee Choon Nee (Exco Akademik).

Md Najib dan Siti Zulaikha, kedua-duanya pelajar Tahun Tiga Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) memenangi kerusi Umum daripada empat kerusi yang dipertandingkan di peringkat UMSKAL.

Bagi kerusi SPKAL, pelajar Tahun Tiga, Prem Nambyar dan pelajar Tahun Dua, Andre Justin dipilih mengetuai barisan kepimpinan sekolah itu.

Manakala dua pelajar Tahun Dua, Amos Peter dan Josephine Lee Choon Nee memenangi kerusi Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) bagi sesi 2013/2014.

Turut hadir pada pengumuman keputusan pilihanraya itu ialah Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey

# Barisan MPP perlu bekerjasama dengan pengurusan UMSKAL

NET 3-11-13 11



KELIHATAN Dr Ismail (tengah) dan Dr Geoffrey (kiri) bersama enam pelajar yang memenangi kerusi Umum, SPKAL dan SSIL UMSKAL Sesi 2013/2014.



RAIKAN... Para pelajar UMSKAL meraikan kemenangan calon-calon yang bertanding pada Pilihan Raya Kampus UMSKAL 2013/2014.

Tanakinjal selaku Pengurus PRK, Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah dan Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Musnin Mattersah.

Pada pemilihan kali ini, seramai 1,568 atau 68.25 peratus daripada 2,296 bilangan keseluruhan daftar pemilih layak mengundi telah menjalankan tanggung jawab mereka membuang undi di Dewan Theatre daripada pukul 8.30 pagi hingga 5 petang.

Dr. Ismail berkata, barisan MPP harus bijak menguruskan masa dan tidak

sesekali leka dengan aktiviti kampus hingga mengabaikan kecemerlangan akademik.

Beliau tidak mahu melihat barisan MPP UMSKAL yang merupakan pemimpin di universiti pada masa ini tidak kemana-mana dalam dunia pekerjaan kerana terkandas dalam akademik.

“Apabila menjadi pemimpin kepada mahasiswa, barisan MPP haruslah bertindak dengan matang, terpelajar dan profesional. Jangan sesekali mengikut kata hati yang sedang emosional,” katanya. -OLEH JAINUDIN DJIMIN